



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN



**TEKS UCAPAN
YB DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI
TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
MAKANAN II**

SEMPENA

**MAJLIS PENUTUP RANCANGAN REALITI TV
JUARA AGROTEK**

**Tarikh : 16 Mac 2021 (Selasa)
Tempat : Perkarangan Lobi
Kementerian Pertanian dan
Industri Makanan
Masa : 11.00 pagi**

Bismillahirrahmanirrahim

وَالْبَلَدُ الطَّيِّبُ يَخْرُجُ نَبَاتُهُ بِإِذْنِ رَبِّهِ وَالَّذِي خَبُثَ
لَا يَخْرُجُ إِلَّا نَكِدًا ۚ كَذَلِكَ نُصَرِّفُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَشْكُرُونَ

Firman Allah:

“Dan tanah yang baik, tanaman-tanamannya subur dengan izin Allah; dan tanah yang tidak subur, tanaman-tanamannya hanya tumbuh merana. Demikianlah Kami mengulangi tanda-tanda kebesaran (Kami) bagi orang-orang yang bersyukur”

Surah Al-A'raf, Ayat 58.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Selamat sejahtera dan selamat pagi kepada semua.

[SALUTATION]

1. Terlebih dahulu marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke-hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan inayahNya serta rahmatNYA, dapat kita bersama-sama berhimpun dalam majlis pada pagi ini di Majlis Penutup Rancangan Realiti TV Juara Agrotek.
2. Pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Syarikat PTV Media Sdn Bhd atas usaha kreatif untuk menarik minat golongan muda dalam sektor pertanian. Sudah tentu, usaha seperti ini amat digalakkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

(MAFI) kerana usaha ini seiring dengan hasrat Kementerian untuk menyetengahkan industri ini di mata masyarakat.

3. Ucapan terima kasih juga diucapkan kerana sudi menjemput saya pada majlis hari ini. Seterusnya, kepada semua hadirin yang hadir, sekalung penghargaan saya ucapkan.

Kepentingan Pertanian dalam Islam

Para hadirin sekalian,

4. Ayat al-Quran yang saya bacakan tadi adalah ayat ke 58 dari Surah al-Araf iaitu surah ke 7 dalam al-Quran. Ini adalah salah satu ayat yang memberikan isyarat kepada kita bahawa pertanian merupakan satu bidang yang penting sehingga disebut dalam al-Quran. Ayat ini juga menyentuh tentang sains tanaman itu sendiri iaitu untuk menghasilkan tanaman yang terbaik, kita perlulah menjaga kesuburan tanah dan memanfaatkan tanah itu sebaik mungkin.

5. Rasullullah S.A.W. juga turut menggambarkan kepentingan memanfaatkan tanah-tanah ini melalui sabda baginda dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Jabir Ibn Abdullah R. Anhuma:

مَنْ كَانَتْ لَهُ أَرْضٌ فَلْيَزْرَعْهَا فَإِنْ لَمْ يَزْرَعْهَا فَلْيُزْرِعْهَا أَخَاهُ

Maksudnya: “Barangsiapa yang memiliki tanah, hendaklah dia bercucuk-tanam padanya ataupun diserahkan tanah itu kepada saudaranya (untuk bercucuk-tanam).” Riwayat Muslim (1536)

6. Oleh itu, antara syarat untuk memastikan negara mempunyai tanaman-tanaman yang mengeluarkan hasil yang optimum dan terbaik, **kita hendaklah sentiasa menjaga tanah-tanah pertanian kita dan menaikkan tingkat kesuburannya.** In shaa Allah, dengan usaha dan tawakal, kita pasti akan berjaya.

SOKONGAN TERHADAP PROGRAM

Hadirin yang saya hormati,

7. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sangat komited dalam mempromosi dan menarik minat golongan muda sekali gus mengubah persepsi golongan belia terhadap industri ini.

8. Justeru, kerjasama bersama Syarikat PTV Media Sdn Bhd ini juga merupakan satu usaha yang disambut dengan penuh keterbukaan oleh Kementerian dalam mempromosi bidang pertanian sebagai **kerjaya pilihan setanding kerjaya professional lain.** Kementerian sangat mengalu-alukan kerjasama seperti ini antara Industri Pertanian bersama Industri Kreatif agar lebih ramai anak muda terinspirasi dengan bidang ini.

9. Program seperti ini juga diharap dapat **mengubah persepsi masyarakat bahawa bidang ini bukan lagi bidang 3D: *Dirty, Difficult dan Dangerous*,** tetapi dengan penggunaan teknologi, bidang ini mampu menjadi salah satu cabang kerjaya yang menjamin pulangan yang tinggi.

KONSEP HIBURAN BERILMU

Para hadirin yang dikasihi,

10. Hiburan adalah satu fitrah semulajadi setiap manusia yang menggabungkan keindahan seni, bahasa dan budaya. Ianya merupakan sesuatu yang menzahirkan emosi kepada kita dan melahirkan kegembiraan. Penting untuk saya tekankan di sini, hiburan hendaklah mendidik, memberikan ilmu dan membawa manfaat kepada kita.

11. Dalam konteks ini, Juara Agrotek merupakan satu program TV yang menepati konsep “infotainment” atau hiburan yang berilmu. Saya difahamkan sejumlah 13 episod telah berjaya dirakamkan melibatkan 12 orang peserta. Mereka merupakan anak-anak muda yang telah terlibat dalam bidang pertanian dari pelbagai sub-sektor pertanian termasuk tanaman dan penternakan. Saya dimaklumkan salah seorang peserta adalah Puan Ayu Damit iaitu seorang penyanyi dan pemenang program One In A Million musim kedua tahun 2008 serta pemenang tempat ketiga Gegar Vaganza tahun 2020. Syabas diucapkan kepada semua.

12. Melalui program ini, mereka melalui pelbagai tugas yang mencabar antaranya, cara menternak ayam organik, lembu tenusu dan kambing. Mereka juga ditugaskan untuk bertanam ubi kayu, cili, jagung serta lain-lain tanaman menggunakan teknologi-teknologi pertanian terkini. Ilmu yang diperolehi bukan sahaja bermanfaat kepada mereka tetapi kepada penonton di luar sana.

PENUTUP

Para hadirin yang amat saya kasihi,

13. Akhir kata, saya berterima kasih kepada Syarikat PTV Media Sdn. Bhd. dan semua yang terlibat dalam usaha murni ini dan kejayaan mereka untuk menerbitkan sebuah Rancangan Realiti TV Juara Agrotek. Saya juga berterima kasih kepada Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, MARDI dan semua Jabatan/Agensi di bawah Kementerian yang terlibat dalam program ini.

14. Saya dengan penuh ikhlas mendoakan kejayaan semua peserta Rancangan Realiti TV Juara Agrotek. Semoga anda semua lebih cemerlang selepas ini. Teruskan *networking* sesama anda untuk terus melangkah dengan lebih jauh lagi.

15. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Unit Agropreneur Muda (UAM) MAFI yang terus proaktif dalam menganjurkan pelbagai program di seluruh negara yang dapat menarik golongan muda di dalam bidang pertanian.

Maka dengan itu, dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Penutup Rancangan Realiti TV Juara Agrotek.

Sekian, terima kasih.

##